

Gandingan 3 Naib Presiden baru memang dijangka —PM

UM 1 2 MAY 2000

KUALA LUMPUR 1 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir dipimpin oleh Dr. Mahathir.

Mohamad menyifatkan kemenangan Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai memang telah dijangkakan.

Presiden UMNO berkata, memang ramai perwakilan berpendapat ketiga-tiga mereka akan memenangi jawatan yang ditandingi oleh sembilan calon itu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam majlis Makan Malam Presiden di sini malam ini selepas menerima keputusan rasmi pemilihan dari Setiausaha Kerja UMNO. Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Keputusan jawatan Naib Presiden itu menyamai dengan pencalonan daripada Baha-

gian Kubang Pasu yang ahli Majlis Tertinggi, Dr. Mahathir berkata, beliau belum membuat sebarang keputusan.

Ditanya sama ada, beliau berpuas hati dengan keputusan pemilihan itu. Dr. Mahathir berkata, "Itu pilihan perwakilan dan kita terima".

Bagaimanapun, beliau mengingatkan ketiga-tiga calon yang menang itu supaya bekerja kuat untuk mengukuhkan parti dan memajukan negara.

Mengenai laporan politik wang, Perdana Menteri berkata, setakat ini beliau belum menerima sebarang laporan terhadap ketiga-tiga calon yang menang itu.

"Setakat ini kita tak ada laporan tentang mereka, jadi kita terima (mereka)," katanya.

Ditanya sama ada calon yang kalah akan dilantik seba-

gahli Majlis Tertinggi, Dr. Mahathir berkata, beliau belum membuat sebarang keputusan.

Sementara itu. Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak menghadapi masalah untuk bekerja dengan ketiga-tiga mereka dalam satu pasukan.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Najib, Muhammad dan Muhyiddin, beliau berkata, "Ketiga-tiga mereka adalah sahabat baik saya.

"Saya biasa bekerjasama dengan mereka dahulu dan sekarang ini, saya boleh bekerjasama dengan mereka lagi, tidak ada masalah,"katanya.